

7

PEMBELAJARAN KARANGAN MENGGUNAKAN KOD EZ

Khaizuran Supa'at & Noor Azleen Sarbini
Sekolah Rendah West View

ABSTRAK

Program ini menggunakan komputer riba UMPC (*Ultra mobility Personal Computers*), kamera web, kod bar 2D (Kod EZ) dan MOBIUS (*Mobile learning dengan UMPCs*) yang membenarkan penggunaan bahan daripada laman web melampaui had di bilik darjah dan capaian jalur lebar tanpa wayar (*broadband*). Mobius merupakan penggunaan kod bar 2D yang mampu mengatasi isu murid yang hanya boleh menggunakan kamera web sahaja dan menghalakannya ke kod bar di stesen yang mana murid sepatutnya diberikan informasi yang diperlukan. Kami memilih penggunaan komputer riba UMPC yang telah dimuat turunkan dengan sofwe Kod EZ kerana tidak mengehadkan pembelajaran murid di dalam bilik darjah sahaja. Dengan menggunakan Kod EZ, murid dapat memberikan respons mengenai perwatakan dan nilai yang terdapat di dalam cerita-cerita rakyat. Melalui cerita ini, mereka dapat mengaitkan maklumat yang diperoleh daripada pembacaan tentang hal yang berkaitan dengan masyarakat. Daya kreativiti murid telah meningkat dari segi pengolahan watak dan penerapan nilai dalam karangan. Hal ini dapat dilihat dalam kebolehan murid mengembangkan watak menerusi penulisan karangan mereka.

Pengenalan

Menjalankan aktiviti menarik semasa mengajar Bahasa Melayu Lanjutan (BML) bagi guru Bahasa Melayu merupakan sesuatu yang mencabar. Hal ini disebabkan oleh masa yang diperuntukkan untuk mengajar BML agak terbatas. Keterbatasan ini menghambat penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran BML. Memandangkan pengetahuan murid dalam teknologi ICT amat luas, mereka lebih cenderung untuk menggunakan ICT dalam penulisan mereka. Dengan

menggabungkan kedua-dua kemahiran ini, kemahiran menulis dapat dipertingkatkan dan pada masa yang sama memperbaik mutu penulisan murid.

Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk:

- a) mengukur keberkesanannya penilaian karangan murid menggunakan teknologi maklumat melalui penggunaan Kod EZ;
- b) murid dapat memberikan respons mengenai perwatakan dan nilai yang terdapat di dalam cerita rakyat; dan
- c) mengaitkan maklumat yang diperoleh daripada pembacaan tentang hal yang berkaitan dengan masyarakat.

Permasalahan

Sebelum kaedah pembelajaran Kod EZ dijalankan, penulisan murid BML kurang menerapkan unsur kemasyarakatan dan nilai moral walaupun pembacaan mereka agak luas. Aktiviti yang dijalankan semasa pengajaran BML lazimnya dalam lingkungan bilik darjah. Tambahan pula dengan keterbatasan waktu, murid kurang didedahkan kepada pembelajaran secara kendiri.

Dengan teknik pembelajaran lama, pengajaran lebih berpusatkan kepada guru. Murid kurang didedahkan kepada pembelajaran secara penemuan. Perbincangan sering dijalankan dalam aktiviti kumpulan dan dibentangkan secara lisan. Perkara ini menghambat murid untuk membuat penyelidikan secara kendiri selepas pembelajaran BML.

Berlandaskan misi sekolah, murid harus bersifat kendiri dalam pembelajaran mereka. Pengajaran Kod EZ ini dapat memenuhi keperluan ini dan secara tidak langsung memperbaik kemahiran menulis murid.

Penjelasan Istilah

Program ini membenarkan penggunaan bahan daripada lelaman web melampaui had di bilik darjah dan capaian jalur lebar tanpa wayar (*broadband*).

UMPC (*Ultra mobility Personal Computers*) adalah sebuah komputer riba mudah alih. Saiz UMPC yang kecil ini memudahkan murid membawanya ke mana sahaja di kawasan sekolah.

Kod EZ merupakan kod dua dimensi yang dicipta untuk penggunaan kamera telefon bimbit. Kod EZ ini digunakan dalam kajian ini kerana kod ini lebih ringkas dan mudah digunakan berbanding dengan kod matrik yang lain.

Mobius merupakan penggunaan kod bar 2D yang mampu mengatasi isu murid yang hanya boleh menggunakan kamera web sahaja dan menghalakannya ke kod bar di stesen yang mereka sepatutnya menerima informasi yang diperlukan. Informasi yang diberikan akan membawa mereka ke bahan lelaman yang relevan. Kod diletakkan di beberapa kawasan di sekolah seperti perpustakaan, sudut membaca dan taman eko.

Penggunaan mod *work offline* di *Internet Explorer* akan menyimpan satu salinan data bahan daripada lelaman di dalam UMPC untuk sementara waktu. Mobius lebih menjimatkan dan berkesan dalam menyelesaikan masalah untuk mendapatkan sambungan internet yang cepat.

Kajian Lepas

Menurut Sharifah Alwiah Alsagoff (1986), bahan pengajaran ialah pengantara untuk berkomunikasi dan merupakan satu bahagian dalam edaran komunikasi. Hal ini dapat dibuktikan melalui penggunaan Kod EZ dalam pengajaran karangan yang mana murid akan mencari informasi yang didapati setelah mengimbas kod EZ mereka di tempat yang telah ditetapkan. Tambahan lagi, cara pembelajaran secara penerokaan ini dapat melatih murid berkomunikasi dengan murid lain semasa menjalankan aktiviti yang disediakan.

Kaedah Kajian

Subjek Kajian

Subjek kajian ialah murid Bahasa Melayu Lanjutan, sembilan orang dari Darjah 6 dan tujuh orang dari Darjah 5. Murid Darjah 6 Bahasa Melayu Lanjutan mempunyai pencapaian yang sederhana bagi subjek Bahasa Melayu Lanjutan dengan purata markah 50% sehingga 60% bagi peperiksaan akhir tahun ketika berada di Darjah I5.

Mereka kurang berkomunikasi dalam bahasa Melayu di luar kelas. Sekiranya mereka menggunakan bahasa Melayu untuk berkomunikasi dengan rakan mereka, lazimnya mereka akan menggunakan bahasa Melayu pasar yang bercampur aduk dengan bahasa Inggeris. Bahasa lisan yang digunakan juga sering kali digunakan

dalam penulisan mereka terutama sekali dalam sistem ejaan yang digunakan. Selain itu, murid ini juga sering membina ayat mengikut struktur ayat bahasa Inggeris. Hal ini menyebabkan ayat di dalam penulisan mereka kurang gramatis.

Instrumen Kajian

Berdasarkan latar belakang dan jangka masa murid menghadiri kelas BML, guru mempunyai keterbatasan untuk menjalankan aktiviti yang menarik sebelum menulis sesebuah karangan. Oleh yang demikian, guru perlu mempunyai strategi alternatif untuk memastikan kemahiran menulis murid dapat ditingkatkan. Oleh itu, penggunaan kod EZ dalam pengajaran karangan ini mampu meningkatkan kemahiran membaca, bertutur dan berfikir murid.

Guru-guru BML telah menggunakan kaedah ICT untuk menjalankan aktiviti ini. Antaranya termasuklah penggunaan komputer riba UMPC (Ultra mobility Personal Computers), kamera web, kod bar 2D (Kod EZ) dan MOBIUS (Mobile learning dengan UMPCs) dalam pengajaran dan pembelajaran BML untuk mendorong murid agar lebih kreatif dalam pengaplikasian nilai dan meningkatkan kemahiran penulisan murid.

Prosedur Kajian

Program ini dijalankan selama empat minggu pada waktu Bahasa Melayu Lanjutan (BML). Sebanyak lima cerita rakyat digunakan sebagai bahan rujukan dan semua cerita ini telah diadaptasikan untuk disesuaikan dengan topik karangan yang diberikan. Proses menaikmuatkan bahan ke lelaman blog telah dilakukan sebelum program dijalankan. Alamat lelaman web telah dipautkan kepada kod-kod EZ yang telah dicetak. Murid menggunakan lelaman blog ini sebagai bahan rujukan semasa mencari informasi.

Dapatan Kajian

Dapatan kajian menunjukkan terdapat peningkatan pencapaian murid selepas menjalani cara pembelajaran menggunakan Kod EZ. Bagi kumpulan murid Darjah 5 BML , terdapat peningkatan sebanyak 14.28% daripada 71.43% kepada 85.71% bagi murid yang mendapat 30-40 markah selepas menjalani program ini.

Jadual 1: Perbandingan Pencapaian Pelajar Darjah 5 BML

Item	Darjah 5 BML		Darjah 5 BML (Selepas Program)	
	Bilangan murid	Peratusan	Bilangan Murid	Peratus
32-40 (80% ke atas)	5	71.43%	6	85.71%
23-31	2	28.57%	1	14.29%
18-0(45% ke bawah)	0	0%	0	0%
Jumlah	7	100%	7	100%

Bagi kumpulan murid Darjah 6 BML, dapatan kajian menunjukkan peningkatan yang signifikan bagi murid yang mencapai 30-40 markah. Kajian ini menunjukkan terdapat peningkatan 44.45% daripada 22.22% kepada 66.67% bagi pelajar Darjah 6 BML yang menjalani program ini.

Jadual 2: Perbandingan Pencapaian Pelajar Darjah 6 BML

Item	Darjah 6 BML		Darjah 6 BML (Selepas Program)	
	Bilangan murid	Peratusan	Bilangan Murid	Peratus
30- 40 (80% ke atas)	2	22.22%	6	66.67%
24-29 (60 % ke atas)	7	77.78%	3	33.33%
0-23	0	0%	0	0%
Jumlah	9	100%	9	100%

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa markah karangan murid telah meningkat. Lebih ramai murid telah mendapat 30 markah ke atas. Kami dapat bahawa markah karangan bahagian isi murid menunjukkan kemajuan. Berdasarkan pencapaian keseluruhan, dapatan menunjukkan 31% murid menunjukkan prestasi yang lebih baik jika dibandingkan dengan mutu latihan karangan yang dijalankan di dalam bilik darjah. Murid memberikan maklum balas yang positif menerusi refleksi yang dicatatkan selepas pengajaran kod EZ. Pendedahan kepada bahan bacaan telah memberikan manfaat kepada pembelajaran murid. Kini, mereka lebih yakin untuk menulis karangan dengan menerapkan idea yang mereka dapati daripada bahan bacaan mereka.

Kesimpulan

Antara cabaran yang dihadapi oleh guru yang menjalankan program ini ialah persiapan yang harus dilakukan. Contohnya, bahan yang harus dimuat turunkan mestilah bersesuaian dengan topik perbincangan. Selain itu, faktor masa menjadi hambatan untuk menjalankan program ini. Kemudahan seperti zon capaian jalur lebar tanpa wayar adalah penting disebabkan aktiviti ini dijalankan di luar bilik darjah.

Dengan kejayaan yang diraih daripada program yang dijalankan dengan murid BML, dapat dilihat keberkesanan melalui peningkatan pada prestasi murid. Program ini juga boleh dijalankan bagi pengajaran Bahasa Melayu Standard. Antara contoh pengajaran yang boleh dijalankan adalah dengan mencari informasi mengenai topik yang diberikan dan mengaplikasikan bahan bacaan dalam pembelajaran bahasa Melayu. Kesimpulannya, program ini membuktikan pembelajaran secara kendiri masih boleh dijalankan walaupun dihambat oleh keterbatasan waktu.

Rujukan

Pengendalian bahan pengajaran di sekolah oleh Mohamed Naim Daipi

<http://www.saujana.sg/portals/0/bahan%20pengajaran/bahan.pdf> (Lelaman dilungsuri pada 14 April 2011).